

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN

DEWAN RAKYAT, MALAYSIA

**DARIPADA : Y.B. TUAN LIM GUAN ENG
(BAGAN)**

PERTANYAAN : BERTULIS

Y.B. TUAN LIM GUAN ENG [BAGAN] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan rasional dan faedah kepada negara mengenai syarikat GLC yang perlu mengadakan mesyuarat Lembaga Pengarah di luar negara. Senaraikan kekerapan, negara mana dan kosnya.

JAWAPAN

Tuan Yang Dipertua,

Untuk makluman Yang Berhormat, secara keseluruhannya Syarikat Berkaitan Kerajaan (G20) menganjurkan mesyuarat Lembaga Pengarah masing-masing di dalam negara. Bagaimanapun, dalam

keadaan tertentu, mesyuarat Lembaga Pengarah terpaksa diadakan di luar negara bagi tujuan memberikan pemahaman yang lebih mendalam dan terperinci kepada barisan ahli Lembaga Pengarah untuk membolehkan mereka membuat keputusan usahaniaga atau pemerolehan perniagaan yang sewajarnya.

Sebagai contoh, beberapa anggota G20 menganjurkan mesyuarat Lembaga Pengarah di negara tertentu dan mengambil kesempatan tersebut dengan mengadakan lawatan ke tapak perniagaan sasaran atau perjumpaan dengan pihak berkepentingan di negara berkenaan. Melalui perjumpaan ini, penilaian dan keputusan yang cepat serta tepat dapat dilaksanakan semasa perundingan tersebut diadakan. Ini adalah penting, terutamanya apabila terdapat persaingan hebat daripada syarikat luar negara yang lain.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN : BAGI JAWAB BUKAN LISAN

DARIPADA : TUAN LIM GUAN ENG [BAGAN]

SOALAN : 185

Tuan Lim Guan Eng [Bagan] minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan apakah hasil siasatan dan tindakan terhadap pihak yang terlibat dalam skandal RM43 juta Tanjung City Marina. Apakah status tender terbuka yang dijalankan oleh Suruhanjaya Pelabuhan Pulau Pinang untuk membangunkan kawasan Waterfront Swettenham Pier ataupun rancangan membina semula Tanjung City Marina yang tenggelam ke dalam laut.